




# Buletin Hospital Kota Marudu Bil 1 Tahun 2020

## “PENSIJILAN AKREDITASI MSQH”

Perjalanan Akreditasi di Hospital Kota Marudu bermula pada tahun 2002 di mana penilaian pertama dari Malaysian Accreditation Organisation For Healthcare (MSQH) yang pertama adalah pada 7-8 Februari 2002 di mana Hospital Kota Marudu telah berjaya mendapat pensijilan Akreditasi dari MSQH untuk tempoh 4 tahun. Penilaian ini diteruskan lagi pada 21-22 Februari 2006 dan sekali lagi telah berjaya mendapat pensijilan Akreditasi dari MSQH untuk tempoh 4 tahun. Namun, usaha untuk mengekalkan pensijilan penuh pada pusingan ke-3 penilaian daripada MSQH yang berlangsung pada 8-10 Disember 2010 tidak tercapai disebabkan 3 standard daripada 24 standard tidak memenuhi kriteria iaitu standard OT, standard CSSU dan standard 2. Hospital Kota Marudu hanya memperolehi pensijilan Akreditasi pada tahun 2010 untuk tempoh 1 tahun sahaja. Usaha untuk menyambung semula pensijilan Akreditasi di Hospital Kota Marudu ini telah tertangguh dari tahun 2010 sehinggalah ke tahun 2019. Setelah 10 tahun tertangguh, Hospital Kota Marudu sekali lagi berusaha ke arah mendapatkan pensijilan Akreditasi dari MSQH pada tahun 2019.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan penilaian Akreditasi ini. Antara perkara yang telah dilakukan adalah penyusunan semula Liason Officer, perancangan dan pelaksanaan takwim, mesyuarat dalaman, taklimat dan bengkel, audit dalaman, benchmarking ke beberapa hospital, beberapa wakil dihantar untuk mendengar ulasan summation report di hospital yang telah dinilai oleh pihak MSQH. Mock-Survey Akreditasi dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah yang diketuai oleh Doktor Mohd Feros telah dilaksanakan pada 28-30 Ogos 2019 untuk menilai tahap kepatuhan Akreditasi di Hospital Kota Marudu sekaligus dapat membantu mengenalpasti kelemahan untuk diperbaiki oleh warga Hospital Kota Marudu.



### ARTIKEL MENARIK

Pensijilan Akreditasi MSQH....	4
Audit Pensijilan HACCP .....	6
Sambutan Hari Imunisasi.....	7
Audit Pensijilan EKSA .....	8
Minggu Tanpa Tembakau .....	9
Gambar Mengukir Kenangan ..	10
Karnival Derma Darah Mega ..	14
Karnival Derma Darah “Countdown 2020” .....	15
Bengkel Ergonomik & Pengendalian Manual.....	16
Kursus Pengurusan Denggi .....	17
Aktiviti Unit Kejururawatan ...	18
Bengkel C&P For Blood Bank Personal Zon PBU.....	19

# PERUTUSAN PENGARAH



## ***"Salam Sejahtera"***

*Di kesempatan ini saya mengambil ruang dan peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Hospital Kota Marudu atas komitmen, kesungguhan, dan kerja keras berpasukan yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan di hospital ini.*

*Tahun 2019 telah memberi kita banyak kenangan pahit dan manis bagi seluruh warga Hospital Kota Marudu. Kita melangkah ke Tahun baru 2020 dengan penuh cabaran berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan menyesuaikan diri dengan norma baru ditempat kerja. Sebagai sebuah organisasi yang berperanan se-*

*bagai organisasi yang memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat setempat. Saya menyeru agar seluruh warga hospital untuk terus mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dan memantapkan semangat kerja berpasukan agar segala cabaran yang dihadapi dapat dihadapi sebagai satu pasukan selain memastikan perancangan utama organisasi pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya selaras dengan visi, misi dan objektif hospital ini.*

*Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga editor Buletin Hospital Kota Marudu kerana telah berusaha untuk menerbitkan buletin hospital untuk sesi 2019. Diharapkan wadah ini dapat dijadikan sumber inspirasi dan sumber semangat untuk semua warga Hospital Kota Marudu agar sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan bagi memenuhi keperluan terkini masyarakat seluruhnya. Justeru, penerbitan buletin ini adalah untuk menyediakan maklumat terkini berkaitan dengan aktiviti-aktiviti di hospital agar ia dapat menjadi sebahagian sumber maklumat serta sebagai bahan rujukan penting yang boleh dikongsi bersama dan dapat memberi input yang berguna kepada semua pembaca buletin ini.*

*Selaku Pengarah Hospital Kota Marudu saya mengucapkan "Biasakan yang baru, Barukan yang biasa....Enjoy the bulletin".*

***Dr Lydiarita M Marajin***

*Pengarah*

*Hospital Kota Marudu*

# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**

Dr. Lydiarita M. Marajin  
(Pengarah Hospital)

**PENYELARAS**


Joseph Tai Jern Cherng

**REKABENTUK GRAFIK**

Joseph Tai Jern Cherng

**EDITOR**

1. Grace Binti Libin
2. Hamadi Kimjulis
3. Ruslina Samaron
4. Rosnie Ibno
5. Jackson Mangudanchal
6. Jaimon Bin Majumba
7. Rubirosa S. Allus
8. Firdaus Bin Ohsou
9. Jovinia Jaikol



## Persediaan Audit Pensijilan

Sebelum tiba tarikh penilaian Akreditasi, pihak MSQH telah memperincikan beberapa keperluan untuk disediakan oleh pihak Hospital. Antaranya adalah menyediakan kelengkapan komputer dan printer di hotel tempat para penilai menginap dengan kelengkapan talian internet wifi. Bilik mesyuarat yang sesuai di hospital untuk para penilai membuat perbincangan. Conference room untuk pengenalan pada hari pertama penilaian dan summation report pada hari terakhir penilaian. Beberapa kekangan dihadapi oleh AJK pelaksana iaitu salah satunya adalah mencari hotel penginapan yang sesuai untuk penilai berehat dan dalam masa yang sama mempunyai bilik yang sesuai untuk mesyuarat. AJK pelaksana

na telah menempah Hotel Season 2 untuk penilai menginap. Hotel tersebut tidak mempunyai bilik mesyuarat namun ini tidak menghalang AJK pelaksana untuk menyediakan bilik mesyuarat. Satu bilik di hotel tersebut telah diubahsuai dengan mengeluarkan katil supaya bilik tersebut sesuai untuk dijadikan bilik mesyuarat. Dengan kerjasama dari semua AJK pelaksana, semua keperluan yang diperlukan oleh para penilai MSQH dapat juga dipenuhi.



## PENSIJILAN AKREDITASI DARI MALAYSIAN ACCREDITATION ORGANISATION FOR HEALTHCARE (MSQH) DI HOSPITAL KOTA MARUDU PADA 8-10 OKTOBER 2019

### Bermulanya Audit Pensijilan

Tarikh yang dinantikan oleh seluruh warga Hospital Kota Marudu akhirnya tiba. 8-10 Oktober 2019 merupakan tarikh penilaian Akreditasi dari MSQH. Seramai 4 orang Panel Penilai telah dihantar yang terdiri dari **Dr. Selahuddeen Abd. Aziz**, (State Health Director Johor State Health Department), **Y. Bhg. Dato' Dr. Ghazali b. Ismail** (Senior Consultant & Head, Department of O&G, Hospital Sultan Ismail), **Dr. Faridah Hassan** (Former Senior Consultant & Head, Department of ENT, Hospital Selayang), **Ms. Alice Woon Amoi** (Vice President, Quality Assurance, Columbia Asia Medical Group). Para penilai telah tiba sehari awal dari tarikh penilaian dan telah disambut di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu oleh wakil dari Hospital Kota Marudu yang diketuai oleh Encik Willeze Matambun, Penolong Pegawai Perubatan U32.

Hari pertama penilaian dimulakan dengan pembentangan tentang Hospital Kota Marudu oleh Pengarah Hospital, Dr. Lydiarita M. Marajin dan diteruskan dengan pengenalan para penilai oleh Ketua Penilai Dr. Selahuddeen Abd. Aziz dan seterusnya taklimat ringkas Ketua Penilai tentang cara para penilai menjalankan Penilaian Akreditasi untuk sepanjang 3 hari penilaian.



## Proses Audit Pensijilan Berterusan

Para penilai masing-masing diiringi oleh seorang pegawai pengiring yang terdiri dari kakitangan Hospital Kota Marudu untuk membantu penilai bergerak ke unit-unit dan wad serta mana-mana kawasan hospital sesuai keperluan penilaian. Namun, ada juga penilai yang lebih senang bergerak sendiri tanpa diiringi oleh pegawai pengiring. Semua Ketua Unit dan Liason Officer serta seluruh warga kerja hospital berusaha memberikan kerjasama sepenuhnya kepada penilai sepanjang tempoh 3 hari penilaian tersebut. Para penilai juga begitu komited menjalankan penilaian siang dan malam. Pelbagai penemuan diperolehi sepanjang penilaian berlangsung. Secara keseluruhan, proses penilaian Akreditasi berjalan lancar.



Tempoh tiga hari penilaian Akreditasi di Hospital Kota Marudu akhirnya berakhir juga. Semua penilai telah membentangkan hasil penemuan masing-masing pada hari ketiga. Warga kerja Hospital Kota Marudu diberi peluang untuk bertanyakan soalan kepada para penilai semasa sesi pembentangan tersebut. Dengan berakhirnya sesi pembentangan hasil penemuan, maka berakhir jugalah penilaian Akreditasi di Hospital Kota Marudu bagi tahun 2019. Seluruh warga kerja hospital menarik nafas lega dengan kejayaan menghadapi penilaian Akreditasi ini. Penilaian tersebut banyak membantu Hospital Kota Marudu menilai tahap prestasi hospital berpandukan standard yang telah ditetapkan. Semua penilai telah dihantar oleh wakil dari Hospital Kota Marudu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan selamat.

Disediakan Oleh:

Pn. Grace Binti Libin  
Penyelaras Akreditasi  
Hospital Kota Marudu

### SENARAI STANDARD YANG TERLIBAT:

- 1: Governance, Leadership and Direction
- 2: Environmental and Safety Services
- 3: Facility and Biomedical Equipment Management and Safety
- 4: Nursing Services
- 5: Prevention and Control of Infection
- 6: Patient and Family Rights
- 7: Health Information Management System
- 8: Emergency Services
- 9: Clinical Services-Obstetrics and Gynaecology Services
- 9C: Clinical Services-Obstetrics and Gynaecology Services
- 10: Anaesthetic Services
- 11: Operating Suite Services
- 13B: Critical Care Services – Labor / Delivery Services
- 13C: Chronic Dialysis Treatment Standards
- 14: Radiology / Diagnostic Imaging Services
- 15: Pathology Services
- 16: Blood Transfusion Services
- 17A: Allied Health Professional Services – Physiotherapy Services
- 17B: Allied Health Professional Services – Occupational Therapy Services
- 18: Pharmacy Services
- 20: Housekeeping Services
- 21: Linen Services
- 22: Food Services
- 23A: Mortuary Services
- 25: Medical Assistant Services



*Semakan Pematuhan Dokumentasi Dan Manual GMP HACCP*



*Proses Audit Penerimaan Bahan Mentol Mematuhi SOP*



*Majlis Penutupan Audit Pensijilan*



*Majlis Penutupan Audit Pensijilan*

## AUDIT PENSIJILAN HACCP

### GMP

*Apakah yang dimaksudkan dengan GMP? (Good Manufacturing Practice)*

*GMP merupakan amalan dan prosedur bagi mengawal persekitaran dan keadaan operasi di dalam kawasan pemprosesan untuk memastikan produk yang dihasilkan selamat. Ia merupakan Pra-syarat kepada Pensijilan Hazard Analysis And Critical Control Points (HACCP). GMP tidak merujuk secara spesifik kepada hazard tetapi lebih fokus kepada struktur sistem, Susun atur bangunan dan perancangan penyimpanan rekod proses yang terdapat dalam GMP. Untuk Hospital Kota Marudu amalan GMP telah bermula pada 21 September 2016 dan diteruskan sehingga sekarang.*



### HACCP

*Apakah yang dimaksudkan dengan HACCP? (Hazard Analysis Critical Control Point)*

*HACCP merupakan singkatan kepada Hazard Analysis Critical Control Point atau dalam bahasa Malaysia Analisis Mudarat dan Titik Kawalan Kritikal. Tujuan utama pengenalan sijil HACCP ini adalah untuk mengesan, menilai dan mengawal bahaya yang signifikan kepada keselamatan makanan. Secara halusnyanya, ianya memastikan bahawa produk makanan tersebut selamat dan tidak bahaya untuk dimakan (tidak akan sakit atau keracunan).*

*Ianya juga dikawal dari segi kualiti, kebersihan dari bahan-bahan asing seperti mikrobakteria yang mudah mendiami makanan dengan kawalan suhu tertentu. Selain itu, ianya akan mengurangkan kekerapan pemeriksaan kawalan ke atas premis dan sample makanan dan memperkukuhkan lagi jaminan keselamatan makanan yang dihasilkan.*

*Pelaksanaan HACCP meliputi 3 rujukan utama iaitu Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, Malaysia Standard –MS1480:2007 (HACCP) dan Malaysia Standard MS1514:2009 (GMP). Skim ini terdiri daripada pensijilan dan aktiviti pengawasan sistem HACCP. Ianya merupakan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berkeson melaksanakan sistem HACCP.*

*HACCP bukanlah pensijilan yang diberikan khusus tanpa sokongan dari mana-mana prosedur lain. Ianya bergantung kepada komitmen pihak pengurusan sesebuah syarikat dan sokongan sistem kukuh seperti pensijilan GMP (Good Manufacturing Product) .*

*Hospital Kota Marudu mula mengorak langkah untuk mendapatkan Pensijilan HACCP bermula pada bulan March 2019 yang mana telah diaudit pada 13 dan 14 March 2019.*

*Kenapa perlu pengamalan sistem HACCP?*

- *Meningkatkan mutu dan kualiti hasil makanan melalui kawalan proses menyeluruh.*
- *Menambah keyakinan pengguna terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.*
- *Mencegah kejadian keracunan makanan.*
- *Memartabatkan kualiti makanan yang dihasilkan di peringkat antarabangsa.*
- *Mampu mengenalpasti bahaya sebelum berlaku keracunan makanan.*
- *Meningkatkan keyakinan pesakit terhadap mutu perkhidmatan makanan di hospital kerajaan.*
- *Meningkatkan kesedaran pengendali makanan terhadap kepentingan keselamatan makanan.*

## SAMBUTAN HARI IMUNISASI PERINGKAT HOSPITAL KOTA MARUDU



**Vaksin diberikan secara percuma oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.**

### RUMUSAN PROGRAM:

Hari Imunisasi peringkat Hospital Kota Marudu telah diadakan pada 17.04.2019 bersamaan dengan hari rabu pada pukul 10:00 pagi. Sambutan ini telah diadakan di ruang menunggu pesakit luar, aktiviti yang dijalankan adalah memberi ceramah berkaitan dengan immunisasi, ceramah ini telah disampaikan oleh Puan Salmah, salah seorang jururawat yang bertugas di Wad Bersalin, Hospital Kota Marudu. Tujuan ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang peri pentingnya pemberian immunisasi di kalangan kanak-kanak serta penyakit yang dilindungi oleh immunisasi yang diberi.

Sambutan ini telah dihadiri oleh orang awam seramai 103 orang, beserta dengan anggota hospital yang bertugas di Jabatan Pesakit Luar pada hari sambutan diadakan.

Disediakan Oleh: KJ Ruslina Samaron



## GAMBAR AKTIVITI



*Audit MAMPU*



*Audit Kolej Komuniti  
Kota Marudu*



*Gotong Royong  
Taman Terapeutik*



*Gotong Royong  
Taman Terapeutik*



### **Imej Berbentuk Bintang**

mewakili 5 ZON

Melambangkan elemen 5S iaitu sapu, susun, sisih seragam dan sentiasa amal

**Merah** Bermaksud Tindakan Melaksanakan Dan Galakan Yang Diberi Oleh Pihak Pengurusan.

**Biru** Melambangkan Kerjasama Dan Perpaduan

Dari Semua Pihak Untuk Melaksanakan Eksa

**Kuning** Mewakili Kebijaksanaan, Intelek Serta Kegembiraan Untuk Keceriaan Suasana Kerja Di Dalam HKM

**Hijau** Mewakili Semangat Untuk Membelajari, Membangunkan Dan Menyerapkan Unsur-Unsur Yang Berguna Untuk Membangunkan Amalan EKSA dan 5s Dalam HKM

**Ungu** Melambangkan Sikap Berdikari Dan Juga Pertimbangan Yang Baik Dalam Melaksanakan Sesuatu

### **Bentuk condong separuh Bulat berwarna biru**

Melambangkan kestabilan amalan EKSA dalam HKM dan diamalkan secara berkitaran dari semasa ke semasa

### **Imej Daun**

Melambangkan warga HKM mengamalkan konsep 'go green' dalam persekitaran ruang kerja dan dalam melaksanakan tugas harian

## AUDIT PENSIJILAN EKSA HOSPITAL

EKSA merupakan satu sistem atau pengisjilan yang dianugerahkan oleh unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kepada agensi-agensi awam yang membudayakan organisasi berprestasi tinggi dan inovatif melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh agensi sektor Awam.

### **Kenapa Pentingnya EKSA**

- ◆ Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kondusif dan sistematik.
- ◆ Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan agar dapat memenuhi keperluan pelanggan.
- ◆ Menyemarakkan semangat kerja berpasukan dan meningkatkan moral di kalangan warga HKM.
- ◆ Merealisasikan amalan "Go Green"

### **Pecahan Zon EKSA**

**ZON 1 BLOODSTONE** - Unit Pengurusan, OT, CSSU

**ZON 2 AMETHYST**— Unit Rehabilitasi, Makmal, X-Ray

**ZON 3 CITRINE**—Unit Kecemasan, OPD, Farmasi, Rekod

**ZON 4 SAPPIRE**—Wad Bersalin, Kanak-Kanak, Perempuan, Lelaki

**ZON 5 RED GARNET**—Unit HDU, Sajjan, Farmasi Wad, Bilik Mayat, Balai Pelawat, Dewan Sri Posisang

Disediakan Oleh: Pn. Rubirosa S. Allus



*Ucapan dan Perasmian Minggu Tanpa Tembakau Oleh Pengarah Hospital, Dr Lydiarita M. Marajin Pada 21 Mei 2019.*

## **SAMBUTAN MINGGU TANPA TEMBAKAU**

Sambutan Minggu Tanpa Tembakau telah ditetapkan pada 21/5-6/6/. Peringkat Hospital Kota Marudu telah melancarkan kempen tersebut pada 21/5/2019 yang berlangsung selama tiga hari bertemakan tahun 2019 : *Speak Out: Express Your Right, Protect Your Lung* (Bersuaralah: Nyatakan Hak Anda, Lindungi Paru-paru Anda) bagi memperkasa bukan perokok untuk menyatakan hak mereka dalam mendapatkan persekitaran bebas asap rokok.

Langkah itu bukan bertujuan untuk berkonfrontasi dengan perokok tetapi lebih kepada memberikan ruang kepada 85 peratus penduduk yang tidak merokok mengekspresikan hak dan meyakinkan golongan perokok untuk berhenti merokok seperti yang diucapkan oleh Menteri Datuk Seri Dr Dzulefly Ahmad dalam pernyataannya pada 4 Mei di Sepang dan Menyedari bahaya asap rokok kepada manusia, Kementerian berpendapat sudah tiba masanya untuk mengambil inisiatif memperkasa golongan bukan perokok agar mereka mampu mengatakan tidak kepada asap rokok basi. Sehubungan dengan itu juga peringkat Hospital Kota Marudu tidak ketinggalan untuk menyambut kempen Minggu Tanpa Tembakau setiap tahun untuk memberi kesedaran kepada bukan perokok untuk menyatakan Hak mereka dalam mendapatkan persekitaran bebas asap rokok.

### AKTIVITI-AKTIVITI SAMBUTAN SEMPENA MINGGU TANPA TEMBAKAU

- ◆ Ucapan & perasmian minggu tanpa tembakau oleh Pengarah Hospital Dr. Lydiarita M. Marajin pada 21.05.2019 @ 9 pagi.
- ◆ Penyampaian sijil penghargaan kepada klien yang berjaya berhenti merokok.
- ◆ Pameran poster-poster bahaya rokok & edaran bacaan risalah-risalah kepada pesakit & keluarga pesakit- jumlah risalah di edarkan 10 buah risalah.
- ◆ Memberi ceramah bertajuk

*Speak out : Express Your Right , Protect Your Lung.*

*Perundangan & Tempat-tempat Larangan Merokok.*

### GAMBAR AKTIVITI



*Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Klien Yang Berjaya Berhenti Merokok*



*Pameran Poster Bahaya Rokok & Edaran Bacaan Risalah*



*Ceramah Speak Out of Merokok Oleh Dr. Munzali-fah*



*Ceramah Perundangan & Tempat-Tempat Larangan Merokok Oleh IK. Lee*

# GAMBAR MENGUKIR KENANGAN



HOSPITAL KOTA MARUDU . [Follow](#)  
Annual Dinner Jururawat HKM 2019 tema  
Costume



HOSPITAL KOTA MARUDU . [Follow](#)  
Majlis Makan Malam Sempena Nursing  
Conference di Hotel Promenade



HOSPITAL KOTA MARUDU . [Follow](#)  
Majlis Penutupan Penilaian Akreditasi



HOSPITAL KOTA MARUDU . [Follow](#)  
Karnival Derma Darah 'CountDown 2020'





HOSPITAL KOTA MARUDU .

[Follow](#)

Bengkel Ergonomik Dan Pengendalian Manual



HOSPITAL KOTA MARUDU .

[Follow](#)

Kursus Basic Trauma Management



HOSPITAL KOTA MARUDU .

[Follow](#)

Latihan Penggunaan Alat Pemadam Api



HOSPITAL KOTA MARUDU .

[Follow](#)

Borneo Health Run 2019 PBU



# GAMBAR MENGUKIR KENANGAN



**MAJLIS MALAM SEMPENA PERPISAHAN KPJN KARTINA BINTI MOHAMAD MANAN (2019)**



**EXTERNAL AUDIT HPIA DARI HOSPITAL TENOM (25HB JULAI 2019)**



**ROMBONGAN AUDITOR PPP KE HKM (2HB OGOS 2019)**



**BORNEO HEALTH RUN 2019 PBU (30 JUN 2019)**



**BORNEO HEALTH RUN 2019 PBU (30 JUN 2019)**



**BORNEO HEALTH RUN 2019 PBU (30 JUN 2019)**



**BORNEO HEALTH RUN 2019 PBU (30 JUN 2019)**

KOTA MARUDU – Sempena sambutan “Hari Penderma Darah Sedunia” yang jatuh pada tarikh 16 Jun setiap tahun, Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu telah menganjurkan Karnival Derma Darah Mega bersama masyarakat setempat pada 16.06.2019 bertempat di Dewan Komuniti Kota Marudu.

Sehubungan itu, pihak Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu dengan kerjasama Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kota Marudu dan agensi-agensi kerajaan badan berkanun serta

NGO di daerah Kota Marudu telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Karnival Derma Darah Mega tersebut.



**KARNIVAL HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA  
PERINGKAT DAERAH KOTA MARUDU**

Anggaran **UNIT TRANSFUSI DARAH HOSPITAL KOTA MARUDU**  
Bersama **MASYARAKAT SETEMPAT**

Disiarkan Oleh: **YBHG. DATUK DR CHRISTINA RUNDI**  
PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

Setiap penderma mendapat  
beras, gula dan minyak

**CELEBRASI BERGEMBANG DENGAN  
KARNIVAL HAMPURAN**

**16 JUNE  
2019, AHAD  
8 : 00 AM  
4 : 00 PM  
DEWAN KOMUNITI  
KOTA MARUDU**

DENGAN KERJASAMA :

ALPH

## KARNIVAL DERMA DARAH MEGA BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT



Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Ybhg Datuk Dr.Christina Rundi dalam ucapan perasmian menggesa masyarakat setempat, badan kerajaan , badan berkanun dan swasta tampil menderma darah bagi menampung keperluan darah untuk kegunaan pesakit yang memerlukan rawatan pemindahan darah. "Selain kes-kes kecemasan, bekalan darah juga diperlukan untuk pesakit thalassemia dan kanser.

Selain derma darah , orang ramai juga berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti lain antaranya pemeriksaan kesihatan percuma seperti pemeriksaan kandungan gula dalam darah, tekanan darah,saringan pap smear , cabutan tiket bertuah berupa hamper , barangan elektrik/elektronik dan banyak lagi, program yang berlangsung dari pukul 7 pagi hingga 5 petang ini turut disertai oleh anggota dari Unit Transfusi darah Hospital Pitas. turut diadakan adalah penganugerahan kepada individu yang terlibat secara langsung dan banyak membantu pihak Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu dalam menganjurkan kempen derma darah. Dalam penganjuran kali ini pihak Unit Transfusi darah Berjaya mengumpul sebanyak 352 unit darah.

Disediakan Oleh: En. Jackson Mangundanchal

# PROGRAM DERMA DARAH "COUNTDOWN 2020" DAERAH KOTA MARUDU

Dirasmikan oleh:

YB DATUK POON MING FUNG @ FRANKIE.

MENTERI KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI SABAH.

11 December 2019 (Rabu)

7:30 am - 4:30 pm

Dewan Komuniti Kota Marudu

Setiap penderma akan mendapat:



CABUTAN BERTUAH & HADIAH LUMAYAN



SETIAP TITISAN DARAH BERHARGA DERMALAH DARAH.

Anjuran bersama:



## KARNIVAL DERMA DARAH AMBANG 2020

KOTA MARUDU - Bagi mengisi bekalan darah yang sangat kritikal di Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu, Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kota Marudu dengan kerjasama Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu dan DAP telah menganjurkan Karnival Derma Darah Mega Ambang 2020 yang telah berlangsung pada 11.12.2019 bertempat di Dewan Komuniti Kota Marudu yang telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Dan Kesejahteraan Rakyat YAB Datuk Frankie Poon.

Menteri Kesihatan Dan Kesejahteraan Rakyat YAB Datuk Frankie Poon dalam ucapan perasmian menyatakan rasa syukur dan berterima kasih atas penganjuran program tersebut dan menyeru agar lebih ramai penderma darah sukarela untuk tampil membantu Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu dalam misi mencari darah untuk kegunaan rawatan pesakit di Daerah Kota Marudu

Karnival derma darah yang bermula seawal jam 7.00 pagi hingga 4.00 petang ini diselitkan dengan pelbagai program menarik dan saringan kesihatan.

Antara acara lain yang turut diadakan adalah pemeriksaan kesihatan, acara nyanyian oleh artis jemputan serta nyanyian dan pertandingan oleh pesakit thalassaemia, turut diadakan adalah cabutan bertuah, pameran gerai makanan dan banyak lagi.

Karnival ini Berjaya mengutip sebanyak 226 unit darah, Pengarah Hospital Kota Marudu Dr. Lydiarita M Marajin dalam kenyataan media menyatakan beliau amat berterima kasih kepada semua penderma darah sukarela, anggota Unit Transfusi Darah Hospital Kota Marudu, anggota Unit Transfusi Darah Hospital Pitas serta anggota kesihatan Kawasan kota Marudu dan anggota Hospital Kota Marudu yang terlibat sama dalam menjayakan program tersebut.



Disediakan Oleh: En. Jackson Mangundanchal

## BENGGKEL ERGONOMIK & PENGENDALIAN MANUAL



Ergonomik merupakan sains yang menyesuaikan tugas dan persekitaran kerja terhadap pekerja. Faktor risiko ergonomik pula adalah sebarang faktor atau pendedahan yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada kecederaan muscular. Antara faktor risiko tersebut adalah awkward posture, static and sustained work posture, forceful exertion, repetitive motion, hand-arm and whole body vibration dan faktor persekitaran seperti pencahayaan, pengudaraan, suhu dan lain-lain. Merujuk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di bawah Seksyen 15 (2)(e) ; adalah menjadi tanggungjawab majikan bagi membuat

pengadaan dan penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja – pekerjanya, setakat yang praktik, selamat, tanpa risiko kepada kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja.

Occupational Muscular Skeletal Disorders (OMSD) adalah antara penyakit yang disebabkan oleh masalah ergonomik. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia Sebanyak 127 kes OMSD telah diterima bagi tahun 2017. Kesan penyakit OMSD adalah suatu keadaan yang mengganggu fungsi sendi, ligamen, otot, saraf dan tendon, serta tulang belakang. Hasil daripada kesan penyakit ini akan mengakibatkan rasa sakit dan mengurangkan kemampuan untuk bergerak dalam melakukan kerja rutin setiap hari. Gangguan penyakit OMSD dapat mempengaruhi setiap anggota dalam tubuh. Bahagian utama termasuk leher, bahu, pergelangan tangan, punggung, pinggul, lutut, dan kaki.

Pada 1hb dan 2hb Oktober 2019, Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Hospital Kota Marudu dengan kerjasama Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menganjurkan bengkel Ergonomik dan Pengendalian Manual peringkat Hospital Kota Marudu. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan dan menambahkan pengetahuan kakitangan Hospital Kota Marudu berkenaan ergonomik dan kaedah yang boleh digunakan untuk mengelakkan daripada mendapat penyakit berkaitan ergonomik. Seramai 35 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada kakitangan Hospital Kota Marudu dari pelbagai jawatan. Antara topik yang telah disampaikan pada bengkel tersebut adalah pengenalan kepada ergonomik, faktor risiko ergonomik, cara



mengendali pesakit yang betul dan latihan praktikal. Semasa sesi praktikal, terdapat tiga kaedah mengendalikan pesakit telah disampaikan oleh fasilitator mengikut situasi yang sering dihadapi oleh kakitangan hospital. Kaedah tersebut adalah memindahkan pesakit dari satu katil ke katil yang lain, memindahkan pesakit dari kerusi roda ke kerusi biasa dan memindahkan pesakit dari lantai naik ke atas

katil. Kesemua peserta telah diberikan peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi praktikal ini agar mereka dapat mencuba sendiri cara yang diajar dan seterusnya mahir menggunakan kesemua cara tersebut.

Diharapkan selepas menghadiri bengkel Ergonomik dan Pengendalian Manual ini, para peserta akan dapat mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari dan diharapkan mereka juga dapat berkongsi ilmu yang telah mereka perolehi sepanjang bengkel ini kepada rakan-rakan mereka di unit masing-masing. Akhir sekali, Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Hospital Kota Marudu mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Valentine Gantul (Ketua Penolong Pengarah, Unit Keselamatan Dan Kesihatan JKN Sabah) serta kesemua fasilitator yang terlibat didalam menjayakan bengkel ini. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada Unit KPAS JKN Sabah, Bengkel Ergonomik Dan Pengendalian Manual ini tidak akan dapat dijalankan dengan jayanya.

Disediakan Oleh: En. Firdaus Bin Ohsou

## KURSUS PENGURUSAN DENGGI HKM



Saban tahun Penyakit Demam Denggi adalah antara penyumbang kepada punca kematian dikalangan rakyat Malaysia. Pada tahun 2018, Malaysia mencatatkan jumlah kes demam denggi sebanyak 80615 kes dan kes kematian pula adalah sejumlah 147 kes. Kadar kematian akibat penyakit denggi di Malaysia pada tahun 2018 adalah 0.18% menurun 0.03% berbanding kadar kematian pada tahun 2017. Walaupun penyakit demam denggi ini adalah antara penyakit yang konsisten untuk menyumbang kepada kematian, namun sehingga kini masih tidak terdapat ubat khusus untuk merawat pesakit yang menghidap penyakit denggi. Setiap pesakit yang dijangkiti demam denggi hendaklah dimasukkan di wad untuk diberikan rawatan awal bagi mengelakkan kematian dengan kadar kurang daripada 1%.

Hospital Kota Marudu adalah menjadi pusat kepada rawatan penyakit demam denggi yang berlaku di Daerah Kota Marudu. Semua kes demam denggi yang dilaporkan di klinik kesihatan ataupun klinik swasta akan dihantar dan dirawat di Hospital Kota Marudu. Walaubagaimanapun, bagi sesetengah kes demam denggi yang tidak boleh dirawat di hospital ini, kes itu akan di rujuk ke Hospital luar. Oleh itu, untuk memastikan pengurusan kes-kes penyakit demam denggi di Hospital Kota Marudu berjalan dengan lancar, Jawatankuasa Pengurusan Denggi Hospital Kota Marudu telah menganjurkan Kursus Pengurusan Demam Denggi. Objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk memastikan para peserta yang hadir akan dapat menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka didalam pengurusan kes demam denggi.

Antara topik yang telah disampaikan pada kursus pengurusan demam denggi ini adalah Overview CPG Denggi HKM, Rekod Pemantauan Pesakit Denggi dan Penjagaan Dirumah, Pengenalan Pasukan Pengurusan Denggi Hospital, Dengue And Management In Adult, Management Of Dengue In Paediatric, Pemeriksaan/Ujian Makmal, Dengue Nursing Care, Epidemiologi/Situasi Semasa Denggi Di Sabah serta Peranan Dan Tanggungjawab RKPBV Dalam Pencegahan Denggi. Kursus ini telah dijalankan sebanyak 2 kali pada tahun 2019 iaitu pada 29hb April 2019 dan pada 02hb September 2019. Kesemua peserta yang menghadiri kursus ini adalah mereka yang terlibat secara langsung didalam menguruskan kes-kes demam denggi dari mula pesakit mendapatkan rawatan di Jabatan Pesakit Luar atau Unit Kecemasan sehingga kes di masukkan ke dalam wad.

Kursus pengurusan demam denggi ini telah menjadi satu kursus yang wajib untuk dilaksanakan pada setiap tahun. Diharap kursus ini dapat memberikan manfaat yang sepatutnya kepada semua peserta yang hadir. Melalui penganjuran kursus ini juga, pihak pengurusan hospital berharap agar pengurusan pesakit demam denggi di hospital akan dapat dijalankan dengan cekap dan teratur mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan.

Disediakan Oleh: En. Firdaus Bin Ohsou

**AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN:**

1: Menganjurkan Kursus Pemantapan Kejururawatan

Bil.1:7hb-8hb Mac 2019

Bil.2: 26hb-27hb Jun 2019

2: Peserta kursus-kursus anjuran Jabatan

3: Sukaneka antara Jururawat sempena Hari Jururawat Peringkat Hospital yang telah diadakan pada 3hb Jun 2019

4: Malam Mesra yang diadakan setiap tahun

5: Lawatan Bench mark ke Hospital Kuala Penyu & Hospital Kudat –persediaan penilaian akreditasi oleh MSQH

6: Terlibat dalam program Derma darah Peringkat Daerah Kota Marudu

7: Terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti kualiti & Latihan Peringkat Hospital.

8: Raya-kaamatan-Urusetia nduk-ngadai

# AKTIVITI UNIT KEJURURAWATAN HOSPITAL KOTA MARUDU



Pn.Katherine Yong  
Ketua Penyelia Jururawat  
Hospital U36,  
Y/M Unit Kejururawatan,  
Hospital Kota Marudu



Disediakan Oleh: KJ Jovinia Binti Jaikol

# LAPORAN PELAKSANAAN BENGKEL CREDENTIALING & PRIVILEGING PERINGKAT PANTAI BARAT UTARA SABAH

*TARIKH : 6 - 7hb Julai 2019*

*TEMPAT : Dewan Sri Posisang Hospital Kota Marudu*

## *1. PENGENALAN*

*Credentialing & Privileging merupakan proses pemberian skop perkhidmatan penjagaan pesakit dan penderma darah yang berlesen atau diperakui oleh kementerian. Proses ini memerlukan skill yang baik dimana ianya perlukan latihan dan pendedahan yang banyak untuk memastikan pengurusan pendermaan darah dilakukan dengan baik dan memastikan darah yang dipungut adalah berkualiti.*

## *2. OBJEKTIF*

*Memastikan peserta didedahkan dengan cara yang betul dalam semua proses pendermaan darah termasuklah penjagaan darah sebelum dan selepas pendermaan. Bengkel ini juga adalah untuk memastikan produk darah yang dipungut adalah berkualiti dan sesuai diberikan kepada pesakit yang memerlukan pemindahan darah.*

## *3. PESERTA*

*Semua peserta terdiri daripada Pegawai Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Jururawat Terlatih dan Jururawat Masyarakat.*

## *4. PENILAI DAN PENCERAMAH*

*Penilai dan penceramah dijalankan oleh kumpulan Pakar Perubatan Transfusi Darah dan dibantu oleh Pegawai Perubatan Transfusi Darah, Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan, Jururawat dan Pegawai Perubatan serta Jabatan Perubatan Transfusi Darah Hospital Queen Elizabeth II.*

